

**PANDANGAN GERAKAN ISLAM LIBERAL TERHADAP HAK ASASI
WANITA**

NUR RAIHAN BINTI NORDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : PANDANGAN GERAKAN ISLAM LIBERAL TERHADAP HAK ASASI WANITA

SESI PENGAJIAN : 2007 / 2008

SAYA : NUR RAIHAN BINTI NORDIN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh :



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

ALAMAT TETAP :
NO. 40, JALAN SIAKAP 17/39,
SEKSYEN 17, 40200 SHAH ALAM,
SELANGOR DARULEHSAN.


DR. FARAHWAHIDA BT. MOHD YUSOF
Nama Penyelia

Tarikh : 28 APRIL 2008

Tarikh : 28 APRIL 2008

- CATATAN:**
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam).”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : DR. FARAHWAHIDA BT. MOHD YUSOF
Tarikh : 25.04.08

**PANDANGAN GERAKAN ISLAM LIBERAL TERHADAP HAK ASASI
WANITA**


NUR RAIHAN BINTI NORDIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan
(Pengajian Islam)

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2008

“ Saya akui karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : NUR RAIHAN BT. NORDIN

Tarikh : 25.04.08

DEDIKASI



Andainya ada pahala dalam penghasilan kajian ilmiah ini, ku hadiahkannya buat:

*Baginda Rasulullah s.a.w dan keluarganya;
Yang telah mengenalkan diriku tentang Iman dan Islam,
Para sahabat Baginda yang telah membuka jalan; perintis tamadun Islam.*

*Ayahanda & Bonda tercinta :
Nordin B. Hj. Kassan dan Rosnani Bt. Hj. Sanusi,
Doa..Pengorbanan..Semangat & Kasih sayang kalian
Buat aku teguh di sini.*

*Adinda yang dikasihi :
Mohd Azim dan Mohd Zaim,
Gurau senda, senyum dan tangis bersulam menjadi satu.*

*Tidak lupa buat Pensyarah dan Guru...
Kalian yang tidak pernah jemu mendidik dan mencurahkan ilmu,
Terima kasih atas segala tunjuk ajar.
Halalkan segala ilmu yang pernah ku pelajari...*

*Buat Sahabat-Sahabat sejatiku...
Kak Ida, akhawat, dan rakan-rakan seperjuangan...
Terima kasih di atas ukhuwwahfillah ini...
Memori kita bersama tetap terpahat kukuh dalam ingatanku buat selama-lamanya...*

*Ya Allah!
Kurniakan kepada kami kefahaman, kejelasan dan keyakinan,
Kepintaran, kekuatan, kesungguhan dan keikhlasan,
Untuk membela perjuangan,
Sebelum dijemput kematian...
Matikan kami dalam ketinggian iman,
Syahidkan kami dalam perjuangan... Ameen...*

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ucapan selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dan bagi keluarga dan sahabat Baginda. Alhamdulillah, berkat inayah-Nya dapatlah penulis menyiapkan dengan jayanya penulisan Projek Sarjana Muda (PSM) ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Dr. Farahwahida Bt. Mohd Yusof selaku penyelia Projek Sarjana Muda (PSM) ini di atas sumbangan idea, penyemakan, penyeliaan dan segala susah payah yang telah beliau sumbangkan sepanjang tempoh menyiapkan projek ini. Semoga segala kerjasama dan pengorbanan masa yang telah beliau curahkan akan mendapat balasan keberkatan daripada Allah S.W.T.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada kedua ibu bapa serta keluarga yang tidak pernah jemu memberi sokongan dan dorongan. Begitu juga kepada para pensyarah, rakan-rakan seperjuangan dan pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Terima kasih diucapkan di atas tunjuk ajar, kerjasama yang baik, perkongsian idea dan pandangan serta kritikan yang membina agar kajian ilmiah ini dapat dihasilkan dengan baik dan sempurna. Segala budi dan jasa yang dicurahkan hanya Allah S.W.T. yang dapat membalasnya. Semoga beroleh rahmat dan perlindungan dari Allah S.W.T.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui Pandangan Gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita. Objektif kajian ini juga mengemukakan sejarah perkembangan gerakan Islam Liberal, mengkaji pandangan gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita dan mengetahui pandangan Islam terhadap Hak Asasi Wanita yang diperjuangkan oleh gerakan Islam Liberal. Di antara metodologi yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ilmiah ini ialah Metode Penentuan Subjek, Metode Pengumpulan Data serta Metode Analisis Data. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran Islam Liberal berfungsi untuk membebaskan pemikiran umat Islam yang kononnya kolot dan jumud kepada pemikiran yang lebih moden bersesuaian dengan peningkatan intelektual masyarakat Islam masa kini. Dari aspek luaran, aliran ini seolah-olah memperjuangkan apa yang dituntut oleh syariat Islam, namun pada hakikatnya mereka begitu lantang mempertikai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Mereka juga menjadikan golongan wanita antara sasaran utama dengan menyebarkan isu-isu kontroversi berkenaan wanita dalam dalam usaha meraih pengaruh dari kaum hawa. Jadi dapatan kajian ini telah mengemukakan garis panduan serta hukum-hukum syarak berkaitan dengan isu-isu yang dikontroversikan oleh gerakan ini terhadap wanita berdasarkan dalil al-Quran dan as-Sunnah serta pandangan ulama dan intelektual Islam.

ABSTRACT

This research is conducted in order to know the views of Islamic Liberalism movement Towards Women's Right. The objective of this survey is to show the history development, to study and to know the views of the Islamic Liberalism movement towards Women's Right. Among the methodology used to obtain the data for this erudite research is the Subject Decisive Metode, Data Compilation Metode and Data Analysis Metode. Over all, the product of this survey shows that the function of the Islamic Liberalism movement is to give freedom to the Muslim way of thinking that was so called out dated or old fashioned to sophisticated thinking equivalent to the increased of muslims intellectuality as to date. From the exterior espect, this movement is as if tought to what ever claimed by the syariat, but the actual fact is their outroar pertaining to matters is viceversa. Women's seems to be their target for these controversial issue regarding women in order to obtain support from them. As a result, a guideline syariah law guidelines was drawn regarding to controversial issues of this movement towards women according to al-Quran and al-Sunnah and views from ulama' and Islamic Intellectual.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	ii
	JUDUL	iii
	PENGAKUAN	iv
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	ISI KANDUNGAN	ix
	SENARAI SINGKATAN	xiv

BAHAGIAN SATU PENDAHULUAN

BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7

1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Batasan Kajian	9
1.8	Definisi Istilah	9
	1.8.1 Gerakan	10
	1.8.2 Islam Liberal	10
	1.8.3 Hak Asasi Wanita	11
1.9	Kesimpulan	12

BAHAGIAN DUA

SOROTAN KAJIAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	13
2.2	Hak Asasi Manusia Dari Perspektif Barat dan Islam	15
2.3	Definisi Islam Liberal	17
2.4	Sejarah Perkembangan Islam Liberal	18
2.5	Ciri-Ciri Islam Liberal	20
	2.5.1 Pengaruh Sekularisme	21
	2.5.2 Tumpuan Pada Nilai Akal	21
	2.5.3 Kebebasan Berijtihad dan Penolakan Autoriti Agama	21
	2.5.4 Konsep Pluralisme Agama	22
	2.5.5 Penolakan Terhadap Syariah Islam	23

2.6	Pertubuhan Islam Liberal dan Tokoh-Tokoh Yang Mempertahankan Hak Asasi Wanita	24
	2.6.1 Pertubuhan Islam Liberal Yang Mempertahankan Hak Asasi Wanita	24
	2.6.2 Tokoh-Tokoh Islam Liberal Yang Mempertahankan Hak Asasi Wanita	27
2.7	Pandangan Islam Liberal Terhadap Hak Asasi Wanita	32
	2.7.1 Feminisme dan Genderisme	33
	2.7.2 Aurat Wanita	34
	2.7.3 Poligami	37
	2.7.4 Moral Sebagai Hak Individu	40
2.8	Kajian Lepas	42
2.9	Kesimpulan	43

BAHAGIAN TIGA METODOLOGI KAJIAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Metode Penentuan Subjek	46
3.3	Metode Pengumpulan Data	47
	3.3.1 Metode Historik	47
	3.3.2 Metode Dokumentasi	48
3.4	Metode Analisis Data	50
	3.4.1 Metode Induktif	50
	3.4.2 Metode Deduktif	51

	3.4.3 Metode Komparatif	51
3.5	Kesimpulan	52

BAHAGIAN EMPAT

ANALISIS KAJIAN

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Kedudukan Wanita Dalam Islam	53
4.3	Pandangan Islam Terhadap Hak Asasi Wanita	56
	4.3.1 Hak Wanita Dalam Politik	56
	4.3.2 Hak Wanita Dalam Memilih Pekerjaan	60
	4.3.3 Hak dan Kewajiban Menuntut Ilmu	61
4.4	Hak Asasi Wanita Menurut Islam Liberal Dari Perspektif Islam	63
	4.4.1 Feminisme dan Genderisme	63
	4.4.2 Aurat Wanita	67
	4.4.3 Poligami	73
	4.4.4 Moral Sebagai Hak Individu	78
4.5	Kesimpulan	86

BAHAGIAN LIMA**PENUTUP****BAB 5****PENUTUP**

5.1	Pengenalan	87
5.2	Kesimpulan	87
5.3	Saranan	89

BIBLIOGRAFI

96

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AS	Amerika Syarikat
AWAM	<i>All Women's Action Society</i>
BBC	<i>British Broadcasting</i>
CAR	Kempen Warganegara Menangani Isu Rogol
Dr.	Doktor
ed.	Editor
EUKI	Enakmen Undang-Undang Islam
EXCO	Majlis Mesyuarat Kerajaan
Hj.	Haji
Ibid.	(Latin: <i>Ibidem</i>) pada tempat, kitab atau halaman yang sama
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
ISTAC	Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Wilayah Persekutuan
JIL	Jaringan Islam Liberal
JIM	Jamaah Islah Malaysia
MFK	Majlis Fatwa Kebangsaan
MUI	Majlis Ulama Islam Indonesia
NGO	<i>Non Governmental Organisation</i> (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
OIC	Pertubuhan Negara-negara Islam

PhD	<i>Doctor of Phillosophy</i> (Ijazah Doktor Falsafah)
Prof.	Profesor
PSM	Projek Sarjana Muda
s.a.w.	<i>Sallallahu 'Alayhi Wassalam</i>
S.W.T	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
SIS	<i>Sisters In Islam</i>
SPI	Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)
t.t.	Tanpa Tahun
UDHR	<i>Universal Declaration of Human Rights</i> (Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat)
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UIDHR	<i>Universal Islamic Declaration of Human Rights</i> (Perisytiharan Hak Asasi Manusia Oleh Majlis Islam Sedunia)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dewasa ini perkataan Islam seringkali disandarkan dengan pelbagai perkataan seperti Islam Progresif, Islam Moderat, Islam Kontemporar, Islam Hadhari dan akhir-akhir ini Islam Liberal. Perkembangan ideologi Islam Liberal semakin menular di kalangan masyarakat Islam di Malaysia dan keadaannya semakin membimbangkan. Pemikiran Islam Liberal ini pada dasarnya berakar pada idea kebebasan tanpa sekatan, baik dalam bidang agama, ekonomi, sosial, politik dan perundangan. Bagi mereka, individu lebih penting daripada masyarakat. Masyarakat wujud untuk individu dan individu bebas dari ikatan agama (Harussani Hj Zakaria, 2006: 21). Menurut Fellow Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (Istac), Prof. Dr. Muhammad 'Uthman el-Muhammady (2005: 7), jika dilihat dari sudut intelektual, Islam Liberal merupakan suatu aliran yang sedang dipromosikan oleh Barat dan setiap umat Islam perlu menyedarinya agar tidak terperangkap dalam Islam Liberal yang bersifat liberal dalam kehidupan seharian sebagaimana pandangannya:

“Pada asasnya perkataan liberal dalam kehidupan seharian bukanlah satu perkataan negatif malah ia adalah suatu kelebihan dan sangat dianjurkan oleh Islam. Sikap bertoleransi, mengambil kira

kepentingan orang lain dan bersikap mengalah kepada perbalahan adalah sifat liberal yang positif.”

Ini berbeza dengan aliran Islam Liberal yang diperkenalkan Barat yang tidak mengiktiraf dan menghormati huraian ilmu Islam klasik serta tidak mahu tunduk kepada autoriti yang ada seperti ulama Usuluddin, imam mujtahid dalam menerangkan ilmu feqah dan ulama sufi dalam soal kerohanian. Golongan ini sebaliknya lebih senang dengan pentafsiran sendiri, berdasarkan akal semata-mata dan hanya memilih mana-mana huraian yang bersesuaian dengan logik akal, kononnya bagi mengikuti dan menyesuaikan dengan perkembangan semasa

Fahaman ini kerap kali menyalahgunakan dalil al-Quran dan hadis dalam menafsirkan sesuatu permasalahan. Antara dalil yang seringkali diguna pakai oleh kelompok ini ialah :

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ^ط

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)

(Surah al-Baqarah: 256)

Seringkali ayat ini digunakan sebagai senjata utama oleh golongan yang berminat mengubahsuai lantas membawa perubahan dalam peraturan dan perundangan Islam. Mereka berpendapat perundangan Islam tidak berperikemanusiaan, kejam dan tidak bertamadun lantaran ia tidak boleh dipaksakan ke atas mereka yang enggan menerimanya (Abu Bakar Ismail, 2005: 14).

Selain itu, mereka juga cuba menggembar-gemburkan fahaman pluralisme dalam beragama iaitu tidak wajar menganggap penganut agama lain sebagai ‘kafir’. Sesungguhnya fahaman ini amat bertentangan dengan asas tauhid di dalam Islam yang secara tegas Allah S.W.T menyebut:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ... ﴿١٩﴾

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.

(Surah Ali Imran: 19)

Firman Allah S.W.T lagi :

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

(Surah Ali Imran : 85)

Pandangan Gerakan Islam Liberal berhubung Hak Asasi Wanita pula lebih tertumpu kepada perkara yang diharamkan di dalam Islam, tetapi dihalalkan oleh gerakan ini, begitu juga sebaliknya. Wanita merupakan golongan yang mudah dipengaruhi, seringkali menjadi sasaran gerakan Barat dalam menyebarkan ideologi liberal mereka. Kedudukan wanita seringkali dieksploitasi oleh Barat sehingga mendatangkan kemudaratan dalam masyarakat bahkan ternyata bertentangan dengan agama.

Oleh yang demikian, fahaman Islam Liberal di dunia Islam perlu dilihat sebagai satu ancaman. Ini telah dibuktikan oleh sejarah kerana fahaman atau ideologi merupakan satu cara yang efektif untuk melemahkan umat Islam dengan menghancurkan mereka dari dalam dengan menjauhkan umat Islam daripada ajarannya. Sejarah perang salib membuktikan umat Islam tidak dapat dikalahkan melalui senjata dan peperangan. Oleh itu pihak Barat menggunakan cara imperialisme pemikiran dengan membawa produk baru yang dinamakan Islam Liberal (Harussani Hj. Zakaria, 2006: 20).

1.2 Latar Belakang Masalah

Setakat ini tidak ada satu definisi kukuh diberikan pada perkataan Islam Liberal dan ia adalah satu perkataan asing dalam kamus pemikiran Islam. Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya *Min Fiqh al-Daulah Fi al-Islam* (1996) menghujahkan bahawa semua penisbahan Islam kepada perkataan-perkataan lain seperti Islam politik, Islam kanan, Islam kiri dan lain-lain adalah unsur asing dalam pemikiran Islam. Ia merupakan perancangan musuh-musuh Islam untuk memecahbelahkan Islam mengikut pembahagian berbeza. Malangnya, ada di kalangan umat Islam yang terikut-ikut dengan rentak musuh-musuh Islam ini lantas menamakan diri mereka dengan pelbagai gelaran Islam.

Gerakan Islam Liberal misalnya, semakin mendapat tempat di hati masyarakat terutamanya di kalangan golongan yang berfikiran liberal serta menerima pakai budaya Barat yang menyelinap masuk dalam kehidupan masyarakat kini. Bagi golongan wanita terutamanya yang kurang mendapat pendidikan agama yang secukupnya, pastinya mereka semakin berani untuk bertindak menghalalkan apa yang diharamkan oleh Islam seperti membuka aurat, pergaulan bebas, perzinaan dan sebagainya.

Perkara-perkara sebegini dianggap sebagai hak kebebasan wanita yang dipelopori Barat. Kelompok ini mendesak agar perkara terlarang dalam Islam 'dihalalkan' seperti berpasangan antara lelaki dan perempuan tanpa batas serta mendedahkan aurat. Kesannya, golongan Islam Liberal akan dianggap sebagai peneraju dalam memberikan 'logo halal' kepada apa sahaja perlakuan songsang dari landasan Islam, sekalipun keluar daripada agama Islam. Dikhuatiri teori salah sebegini akan memberikan impak yang besar kepada umat Islam di kemudian hari.

Menurut Timbalan Pengerusi Yayasan Amal Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan yang juga pendakwah bebas, Haji Mohd Nazri Chik, kosa kata 'Islam Liberal' itu sendiri tidak tepat kerana maksud kalimah Islam amat bertentangan dengan maksud liberal. Oleh itu, apabila penentangan dibuat kepada satu pemikiran

bernama 'Islam Liberal', ia tidak bermaksud mengiktirafnya sebagai satu pemikiran dalam Islam. Walaupun terdapat sekumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri pemikiran tertentu menamakan diri mereka sebagai Islam Liberal, ia tetap tidak diiktiraf sebagai satu pemikiran dalam Islam. Selain itu, jika sesuatu perkumpulan tidak menamakan kumpulan mereka sebagai Islam Liberal, namun jika corak pemikiran mereka selari dengan kumpulan Islam Liberal, maka pemikiran mereka tidak dikategorikan sebagai pemikiran Islam (Muhammad Azman Hj. Mohd Nawi, 2005: 6).

Contohnya di Indonesia ada kumpulan individu yang menamakan diri mereka Jaringan Islam Liberal (JIL) seperti Nurcholis Madjid, Djohan Efendi, Ahmad Wahid, Harun Nasution dan lain-lain (<http://www.islamlib.com/id>). Sungguhpun begitu, dari aspek persejarahan, Islam Liberal ini telah bermula lebih awal daripada penubuhan JIL di Indonesia. Charles Kurzman dalam bukunya *Liberal Islam: A Source Book* (2001) menjelaskan sebagai satu bentuk pemikiran, Islam Liberal telah wujud sejak abad ke-18 iaitu bermulanya keruntuhan Dinasti Shafawi dan Mughal, Turki Uthmani sewaktu kalangan ulama dalam dinasti tersebut mengadakan gerakan kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Selain itu, Barat juga sengaja melontarkan pelbagai istilah dalam mengembangkan ideologi mereka. Ianya bertujuan bagi meragukan keyakinan umat terhadap pemikiran Islam serta melakukan permainan istilah yang berbahaya semata-mata kerana kebimbangan mereka melihat kebangkitan umat melalui ideologi Islam. Mereka menonjolkan pemikiran nasionalisme, demokrasi, pluralisme politik, hak asasi manusia, kebebasan, globalisasi dan sebagainya. Termasuk dalam hal ini istilah yang sangat asing iaitu 'Islam Liberal'. Hubungan dan pengaruh pemikiran Barat seperti sekularisme, orientalisme dan pasca modenisme juga amat sinonim dengan Islam Liberal. Namun dapat dikatakan bahawa pengaruh pemikiran 'post-modernism' lebih ketara di dalam pemikiran Islam Liberal.

Secara literal, gerakan Islam Liberal telah mula mengorak langkah menentang persoalan emansipasi wanita, persamaan hak antara lelaki dan wanita, hak-hak asasi wanita dan ternyata Islam Liberal dilihat lebih radikal dari

corak pemikiran modenisme Islam. Ini menyebabkan masyarakat perlu melihat perkara ini sebagai satu bentuk ancaman kerana ia menimbulkan kontroversi dan kekeliruan terhadap dunia Islam.

1.3 Pernyataan Masalah

Kehadiran Gerakan Islam Liberal dalam masyarakat Islam telah mengundang pelbagai kesan kepada masyarakat. Bagi golongan wanita, mereka seringkali disogokkan dengan tanggapan negatif tentang ajaran yang dianjurkan oleh Islam. Pelbagai pihak telah memperkatakan tentang hak-hak wanita, kesamarataan dan kebebasan (*Women's Liberation*). Mereka termasuklah golongan orientalis yang sentiasa berusaha untuk memberikan gambaran yang buruk terhadap hak-hak wanita dalam Islam. Hal ini seolah-olah ingin menunjukkan bahawa hak golongan wanita dalam Islam telah dirampas dan dicabul (Abdul Manan Bin Ismail, 2006: 6). Selain itu, golongan ini sudah mula menganjurkan pergerakan pembebasan wanita dan ia mendapat sokongan daripada pelbagai pihak termasuk kaum lelaki.

Istilah pembebasan di sini bermaksud (pada awal sejarahnya) membebaskan diri daripada kezaliman khasnya dari kongkongan peraturan-peraturan agama Institusi Gereja Katolik Rom. Gerakan Pembebasan Wanita lahir di Amerika dan Eropah. Kebanyakannya diketuai oleh bangsa Yahudi atau mereka berfahaman Sosialisme (Marxisme) seperti Betty Freiden (1921M) dan Germaine Greer (1971M) (Sulaiman Nordin, 1997: 122).

Tidak dinafikan, tuntutan untuk mendapatkan hak-hak asasi bagi wanita merupakan satu perkara yang harus disokong dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Namun, jika ia dilakukan tanpa merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, pergerakan ini pastinya akan meruntuhkan masyarakat. Ternyata gerakan ini diterajui oleh gerakan 'Iluminati' (Sulaiman Noordin, 1997: 148) bagi tujuan batil. Pembebasan wanita kebanyakannya bertujuan untuk membebaskan diri daripada peraturan nilai agama Antaranya hak sama rata wanita dengan lelaki, kewajipan

menutup aurat yang dikatakan menindas kaum wanita mahupun persoalan poligami yang melibatkan hukum Allah S.W.T. Melihat kepada permasalahan ini, pengkaji memikirkan perlunya satu kajian dilaksanakan dalam mengkaji permasalahan ini dengan lebih dekat.

1.4 Objektif Kajian

Dalam melaksanakan sesuatu kajian, objektif kajian haruslah diberi perhatian memandangkan ia berfungsi sebagai satu kerangka rujukan bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Justeru, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu:-

- 1.4.1 Mengetahui sejarah perkembangan gerakan Islam Liberal.
- 1.4.2 Mengkaji pandangan gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita.
- 1.4.3 Mengetahui pandangan Islam terhadap Hak Asasi Wanita yang diperjuangkan oleh gerakan Islam Liberal.

1.5 Persoalan Kajian

Secara umumnya, kajian ini untuk mengetahui pandangan Gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita. Berdasarkan objektif, diharapkan kajian ini dapat menjawab beberapa persoalan berikut:-

- 1.5.1 Bagaimanakah sejarah perkembangan gerakan Islam Liberal?
- 1.5.2 Apakah pandangan gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita?

1.5.3 Apakah pandangan Islam terhadap Hak Asasi Wanita yang diperjuangkan oleh gerakan Islam Liberal?